

BIO TEST

Your reliable home test kits series

Liver Function Test Kit

Product Code 9 555223 208081
For in vitro diagnostic and self testing use
Store at (15-30°C)

Arahan

Sila baca kesemua arahan sebelum melakukan ujian. Semak tarikh lupus yang dicetak atas foil. Simpan alat penguji di tempat yang kering dalam suhu 15 hingga 30 darjah Celsius. Jangan simpan dalam peti sejuk. Alat penguji adalah peka kepada faktor-faktor seperti kelembapan atau keabanghan. Oleh itu jangan buka foil sehingga anda sedia melakukan ujian dengan serta merta.

Dasar Ujian

Hati merupakan organ kelenjar yang terbesar dalam badan. Ia seberat 1.35kg dan berwarna merah perang. Hati terletak di bahagian kanan rongga perut di bawah diafragma.

Gejala-gejala yang dihadapi disebabkan oleh masalah hati termasuklah

- Kekuningan pada kulit atau putih mata. Keadaan ini juga dipanggil Penyakit Kuning (*Jaundice*).
- Kesakitan dibahagian kanan atas rongga perut diikuti oleh kesakitan dibelakang.
- Kebuncitan rongga perut.
- Kelemahan otot-otot
- Najis berwarna terang dan/atau kencing berwarna gelap

Gejala-gejala diatas merupakan petanda awal terdapatnya masalah hati. Penyakit kuning merupakan gejala yang paling penting.

Penyakit kuning adalah disebabkan oleh kelebihan unsur bilirubin yang diserap masuk kedalam lapisan lemak dibawah kulit. Bilirubin merupakan salah satu produk pemecahan darah. Biasanya bilirubin masuk ke hati dan kemudian meninggalkan tubuh dalam bentuk tinja. Namun sekiranya hati tidak berfungsi dengan baik, terjadinya longgokan bilirubin dalam darah.

Bilirubin juga mungkin bertukar menjadi Uro-bilinogen di dalam usus disebabkan oleh bacteria usus. Sebahagian kecil Uro-bilinogen ini mungkin akan diserap kembali kedalam darah.

Kehadiran ketara bilirubin dan/atau urobilinogen ini akan dapat dikesan dalam air kencing.

Keadaan yang mungkin menyebabkan peningkatan bilirubin dan/atau urobilinogen dalam darah adalah


1. Aktiviti pemecahan darah yang terlalu tinggi.

2. Penyekatan duktus (biliary tract) yang mungkin disebabkan oleh kalkulus hempedu (gallstones), tumor atau kebengkakan hati. Keadaan ini menyekat pengaliran keluar bilirubin kedalam usus.
3. Penyakit hati termasuk hepatitis, barah hati atau *cirrhosis* (satu keadaan dimana hati berparut dan selalunya disebabkan oleh penggunaan alkohol yang melampau).

Alat Penguji BIOTEST Fungsi Hati merupakan satu jalur penguji untuk mengesan kehadiran bilirubin dan urobilinogen dalam air kencing untuk mengenal pasti samada hati dan hempedu berfungsi dengan baik. Alat penguji ini memberi keputusan dalam carta warna seperti yang dicetak atas kotak.

Ujian

1. Gunakan bekas yang dibekalkan untuk mengumpul air kencing. Lakukan ujian serta merta selepas mengumpul air kencing.
2. Buka bungkus BIOTEST dan keluarkan alat penguji. Kenalpastikan kedudukan *Bilirubin* dan *Urobilinogen* dalam jalur penguji. Lihat gambarajah dibawah.



3. Celupkan jalur penguji dalam air kencing sehingga kawasan ujian tenggelam dalam air kencing selama 1 saat.
4. Keluarkan jalur penguji dan letakkannya secara rata dengan kawasan ujian menghala ke atas.
5. Tunggu selama 30 saat untuk keputusan.
6. Baca keputusan dengan membandingkan warna dalam kawasan ujian dalam jalur penguji dengan carta warna yang dicetak atas kotak.
7. Kenalpastikan warna yang paling dekat dengan carta warna. Pertukaran warna sekitar hujung / pinggir kawasan ujian adalah tidak sah. Lakukan ujian sekali lagi dengan menggunakan alat penguji yang baru. Keputusan selepas 60 saat adalah tidak tepat.

Keputusan

Keputusan adalah diperolehi dengan membandingkan warna dalam jalur penguji dengan warna dalam carta warna atas kotak.

Keputusan Bilirubin	Keputusan Urobilinogen	Tafsiran
+ ++ +++	+ ++ +++ ++++	Anda mungkin mengalami salah satu daripada keadaan yang dijelaskan. Anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor segera.
+ ++ +++	Trace	Anda mungkin mengalami keadaan 2 (penyekatan duktus) yang disebabkan oleh kehadiran kalkulus hempedue. Anda dinasihatkan untuk berjumpa

		dengan doktor segera.
Negatif	+ ++ +++ ++++	Sekiranya keputusan adalah + untuk Urobilinogen, ia adalah normal. Namun keputusan ++, +++, ++++ untuk urobilinogen sementara bilirubin negatif tidak mungkin. Lakukan ujian sekali lagi dengan air kencing yang baru. Sekiranya keputusan adalah sama, jalankan ujian ini di makmal untuk mendapatkan keputusan muktamad.
Negatif	Trace	Normal. Anda tidak mengalami sebarang masalah berkaitan dengan hati. Sekiranya anda masih menghadapi gejala-gejala yang dijelaskan (melainkan penyakit kuning), ia mungkin disebabkan oleh masalah yang tiada kaitan dengan hati.

Nasihat

Alat Penguji BIOTEST Fungsi Hati merupakan langkah pertama untuk mengesan kehadiran *bilirubin* dan *urobilinogen*. Alat penguji ini mungkin mempunyai kekurangan dimana kawasan ujian boleh bertukar warna disebabkan oleh lain-lain faktor.

Bahan ubatan yang mungkin akan mengakibatkan keputusan bilirubin tidak tepat termasuklah phenazopyridine and phenothiazines. Bahan ubatan yang mungkin akan mengakibatkan keputusan uro-bilinogen tidak tepat termasuklah acetazolamide, amino-salicylic acid, antipyrine, aspirin, Bromsulphalein, cascara, chlorpromazine, 5-hydroxyindoleacetic acid, phenaxopyridine, phenothiazines dan sulfonamides

Sekiranya anda memperolehi keputusan yang menandakan buah pinggang anda tidak berfungsi dengan baik, sila dapatkan nasihat doktor untuk melakukan ujian yang lebih komprehensif. Sekiranya keputusan adalah baik anda dinasihatkan untuk melakukan ujian ini setiap 6 bulan.

Rangkaian ujian BioTest merupakan langkah pertama untuk menguji dan tidak boleh digunakan sebagai kesimpulan muktamad keadaan kesihatan anda. Sila bincangkan keputusan ujian dengan doktor atau ahli farmasi anda.

IFU-BT-LF-v2.2007

Dikilang oleh Atlas Medical
William James House, Cowley Road, Cambridge, CB4 0WX, UK
BIOTEST adalah hak-milik Bio-gro Sdn Bhd
Lawati laman www.bio-test.info